



<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menerima Akaun Deposit Tetap Mata wang Asing PB. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.)</p>	<p>Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H)</p> <p>Nama Produk yang Ditawarkan: Akaun Deposit Tetap Mata wang Asing PB</p> <p>Tarikh: 9 Oktober 2023</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none">• Akaun Deposit Tetap yang disenggara dalam mata wang asing.• Produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.	
<p>2. Apakah yang saya peroleh dari produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none">• Tempoh peletakan fleksibel untuk 1 Bulan, 3 Bulan, 6 Bulan dan 12 Bulan.• Boleh didapati dalam dua belas (12) mata wang asing utama, iaitu Dolar A.S. (USD), Pound British (GBP), Dolar Australia (AUD), Euro (EUR), Dolar Hong Kong (HKD), Dolar New Zealand (NZD), Dolar Singapura (SGD), Yen Jepun (JPY), Renminbi China (CNY), Franc Swiss (CHF), Baht Thai (THB) dan Dolar Kanada (CAD).• Penyata akaun suku tahunan disediakan dalam salinan keras atau e-penyata yang boleh didapati melalui PBe dan PB enterprise.• Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.• Faedah akan dibayar dalam mata wang yang sama dalam akaun pelanggan apabila matang.	
<p>3. Apakah terma dan syarat utamanya?</p> <ul style="list-style-type: none">• Terbuka kepada individu dan bukan individu iaitu Keempunyaan Tunggal, Perkongsian, Entiti Korporat, Persatuan, Kelab dan Pertubuhan.• Deposit permulaan minimum bersamaan RM10,000.00 dalam satu Resit Deposit Tetap Mata wang Asing.• Deposit dan pengeluaran tunai dalam mata wang asing tidak dibenarkan.• Deposit/Peletakan Akaun Deposit Tetap Mata wang Asing PB boleh dibuat menerusi:<ul style="list-style-type: none">(a) Penukaran Ringgit Malaysia berdasarkan harga jualan semasa Bank pada waktu peletakan.(b) Penukaran daripada satu mata wang asing kepada mata wang asing yang lain.(c) Dana diterima melalui pindahan bertelegraf atau cek asing (kecuali cek yang didenominasi dalam CNY).• Resit Deposit Tetap Mata wang Asing akan dikeluarkan sebagai pengesahan kepada pelanggan bagi peletakan apa-apa Deposit Tetap Mata wang Asing.• Kemukakan Resit Deposit Tetap Mata wang Asing yang asal semasa pengeluaran Deposit Tetap Mata wang Asing.• Tiada faedah akan dibayar bagi apa-apa Deposit Tetap Mata wang Asing yang dikeluarkan sebelum matang.• Syarat bagi pembukaan dan pengendalian Akaun Deposit Tetap Mata wang Asing PB tertakluk pada dasar, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan undang-undang Malaysia termasuk Notis Dasar Pertukaran Asing.	



4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis Caj	Amaun
1	Resit Deposit Tetap Mata wang Asing Hilang/Tersilap Letak (selepas Borang Tanggung Rugi ditandatangani)	<ul style="list-style-type: none">• RM5.00 bagi caj perkhidmatan, dan• RM10.00 duti setem untuk 'Surat Tanggung Rugi bagi Deposit Tetap yang Hilang'

5. Apakah risiko-risiko utamanya?

- Risiko Kadar Pertukaran mungkin ditanggung semasa penukaran (jika ada) deposit mata wang asing. Perolehan daripada deposit mata wang asing bergantung pada kadar pertukaran semasa ketika deposit mata wang asing dikeluarkan. Perubahan dalam kadar pertukaran asing bagi penukaran itu mungkin menyebabkan pengurangan dalam perolehan faedah (jika ada) berkenaan dengan deposit dalam akaun tersebut.

6. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan pada butiran untuk menghubungi saya?

- Mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila kunjungi cawangan Public Bank yang berhampiran, hubungi Bank melalui 03-2170 8000 atau layari laman web Public Bank.

8. Apakah jenis Akaun Mata wang Asing lain yang boleh didapati?

- Akaun Semasa Mata wang Asing PB
- Akaun Semasa Pelbagai Mata wang Asing PB
- Akaun Deposit Tetap Pelbagai Mata wang Asing PB

PERINGATAN

TERDAPAT RISIKO KADAR PERTUKARAN BAWAAN DALAM DEPOSIT MATA WANG ASING DISEBABKAN OLEH TURUN NAIK KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING BERBANDING DENGAN RINGGIT MALAYSIA.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan produk ini dikeluarkan pada 9 Oktober 2023 dan sah sehingga semakan semula berikutnya.